

**PEMBERITAHUAN WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD  
KADIR [ SETIU ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Shahrizukirnain Bin Abd Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat yang tertekan kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan kesan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian tinjauan oleh KPWKM mendapati sokongan sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung oleh ancaman pandemik COVID-19.

Dalam menangani krisis jiwa dan mental kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan kesan wabak COVID-19, KPWKM telah menyediakan beberapa inisiatif seperti berikut:

1. **Khidmat Aduan Atas Talian** dengan menghubungi Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.
2. **Sokongan Psikologi Tele-kaunseling** bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP. Talian Khas Kaunseling atau perkhidmatan tele-kaunseling ini melibatkan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara. Terdapat juga kaunselor-kaunselor yang ditempatkan di kawasan PKPD.

3. **Sokongan Ekonomi** dalam bentuk:
  - a. **Bantuan Bakul Makanan** yang telah diagihkan kepada seramai 820,723 Ketua Isi Rumah (KIR) di seluruh negara sehingga Oktober 2020; dan
  - b. **Mempercepatkan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan** oleh JKM yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 penerima bantuan.
  
4. **Sokongan Sosial** dalam bentuk pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home help services*) yang bercorak *reaching out* kepada **warga emas** sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19 juga telah diadakan.
  
5. **Pelaksanaan program berbentuk advokasi** seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik dan media cetak dalam menangani isu tekanan mental.

Sekali lagi, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian ini bersama-sama dengan Agensi Kerajaan lain sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat Malaysia demi kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.